

28 NOV 2002

S'pura-Rafidah/I

RAFIDAH MINTA MEDIA JANGAN TANYA KAUM HAWA SAHAJA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 28 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Rafidah Aziz meminta media jangan hanya tanya kaum hawa bagaimana mereka boleh bahagikan masa antara kerjaya dan keluarga dalam mengejar kejayaan.

Semasa bercakap di Anugerah Women Inspire 2002 dan Charity Gall Dinner di sini, malam semalam Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata beliau tidak tahu kenapa persoalan ini hanya ditujukan kepada wanita yang berjaya.

"Ia bagaikan ada sesuatu yang tidak kena, jika seseorang wanita berjaya dalam apa beliau lakukan di luar keluarganya," kata beliau.

Mengapa media tidak tanya Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "Macam mana mereka membahagikan masa dan tenaga antara kerjaya dan keluarga mereka?"

Rafidah berkata wanita nampaknya dilihat berlainan, dan jelas sekali terdapat kriteria ataupun kayu ukur yang mendiskriminasi dalam mengukur kejayaan.

Pada masa yang sama, katanya, terdapat bahaya bahawa wanita yang menjadi contoh baik dianggap tidak boleh buat kesilapan dan hampir unggul sepenuhnya.

Rafidah juga berkata wanita yang mempunyai kerjaya dan kepentingan di luar keluarga dan rumah, mesti memastikan bahawa mereka dapat membuktikan kepada masyarakat yang mana-mana wanita boleh menjadi isteri yang terbaik, ibu dan anggota keluarga, sementara mengejar kecemerlangan dalam cita-cita pilihannya.

Wanita mesti mempunyai keutamaan yang betul dalam kehidupan mereka seperti juga lelaki dan kejayaan mereka adalah kejayaan bersama, menambah nilai kepada keluarga dan masyarakat amnya.

Malam tadi, lima daripada 15 peserta akhir muncul sebagai pemenang `Women Inspire Awards 2002', satu anugerah yang mengiktiraf dan memberi penghormatan terhadap sumbangan yang dibuat oleh wanita di Asia Pasifik.

Para pemenang itu ialah: Suong Ngoc Tran dari Vietnam (Kategori Perniagaan), Preeyapun Sridhavat dari Thailand (Seni), Leonarda N. Camacho dari Filipina (Masyarakat), Shanti Lasminingsih Poesposoetjlpoto dari Indonesia (Teknologi Maklumat) dan Se Ri Pak dari Korea Selatan (Sukan).

Satu anugerah khas - `Women Inspire Beacon of Light Award' - juga disampaikan kepada Anggun, penyanyi dan penulis lirik antarabangsa kerana pencapaian beliau sebagai contoh baik bagi ramai wanita Asia. Kini berada Paris, Anggun yang dilahirkan di Indonesia yang diiringi kumpulan kugirannya menampilkan beberapa lagu lama dan terbaru beliau kepada pada hadirin.

-- BERNAMA

SS PR